

18 NOV 1996

DANA ISLAM DAN BUKAN ISLAM BERASINGAN, KATA AFFIFUDDIN

KUALA LUMPUR, 18 Nov (Bernama) -- Industri perbankan cara Islam Malaysia tidak mencampur adukkan dana Islam dan bukan Islam seperti yang didakwa oleh pihak-pihak tertentu dalam dunia Islam.

"Bagi kita, dana cara Islam diasingkan daripada dana bukan Islam," kata Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Dr Affifuddin Omar kepada pemberita selepas merasmikan Persidangan Kebangsaan mengenai Perbankan dan Pelaburan Cara Islam di sini hari ini.

Dr Affifuddin berkata negara ini berupaya memperluaskan perbankan cara Islamnya disebabkan oleh keazaman politiknya dan sokongan penuh daripada kerajaan, tidak seperti saudara-saudara Islamnya yang lain.

Katanya, Bank Islam Malaysia Bhd merupakan ilham Dr Mahathir Mohamad yang memastikan penubuhannya sebaik sahaja menjadi Perdana Menteri pada tahun 1981.

Sementara itu, pengarah urusan Bank Islam, Ahmad Tajudin Abdul Rahman, berkata perniagaan hutang dibenarkan dalam Islam jika ia timbul daripada urusan niaga cara Islam.

Tajudin mengulas tentang laporan yang sama bahawa beberapa pengusaha bank Arab yang, walaupun kagum dengan alat-alat kewangan cara Islam berinovasi yang dikeluarkan oleh institusi-institusi kewangan di Malaysia, mendakwa bahawa produk-produk ini gagal memenuhi kriteria Islam terutama dari segi perniagaan hutang.

Dr Affifuddin menambah kata bahawa tindakan memperkenalkan sebarang produk kewangan cara Islam dilakukan hanya selepas diadakan kajian dan penyelidikan yang teliti serta setelah diluluskan oleh Majlis Fatwa Syariah dan Majlis ini pula sentiasa meminta nasihat ulama-ulama antarabangsa mengenai perkara begini.

Menyentuh tentang cadangan menjadikan Bank Rakyat sebagai bank Islam kedua di negara ini, Dr Affifuddin berkata masa yang lebih lama mungkin diperlukan bagi menyelesaikan beberapa perkara seperti menaikkan taraf perisian. -- BERNAMA

SHO KY/sia